

09 JUL 2002

Ong-Pilihan raya

PENDANG, ANAK BUKIT: PENGUNDI WAJAR PILIH PARTI STABIL

ALOR GAJAH, 9 Julai (Bernama) -- Pengundi di kawasan Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit, wajar menghantar mesej jelas kepada semua lapisan rakyat di negara ini dengan mengundi parti yang telah terbukti mewujudkan kestabilan politik dan perpaduan kaum di negara ini.

Naib Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting berkata pengundi di kawasan berkenaan juga perlu menunjukkan contoh dengan menolak kempen yang berunsurkan keganasan serta memecah-belahkan kaum oleh parti pembangkang.

"Mesej penting itu bagi memastikan keharmonian dan kejayaan yang dikecapi sekarang dapat diteruskan untuk mewujudkan kesejahteraan dan perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis makan malam anjuran MCA Bahagian Alor Gajah di SRJK Cina Masjid Tanah di sini malam tadi.

Ong berkata hanya Barisan Nasional (BN) sahaja mampu meneruskan kesinambungan kejayaan yang telah dikecapi negara selama ini malah, pemimpin BN seperti Pengerusinya yang juga Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan pemimpin yang disegani dan dihormati di peringkat antarabangsa.

Katanya pengundi di kawasan berkenaan juga diharap tidak terpengaruh dengan kempen-kempen yang bercorak mengapi-apikan mereka dengan menggunakan sentimen agama dan perkauman, kerana ia boleh memecah-belahkan rakyat.

Ong yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata pemimpin parti di peringkat pusat dan negeri akan turun padang untuk membantu kempen BN pada pilihan raya kecil kedua-dua kawasan yang ditetapkan pada 18 Julai ini.

Beliau berkata peranan anggota MCA pada kempen itu bertujuan menarik pengundi kaum Cina di kawasan berkenaan supaya mengundi calon BN pada pilihan raya itu.

"Kita mahukan setiap pengundi Cina di kawasan itu mengundi BN," kata Ong.

Menurutnya sokongan kaum Cina kepada BN akhir-akhir ini meningkat memandangkan kejayaan kerajaan memulihkan ekonomi dan menyelesaikan isu-isu negara dengan baik.

"Sokongan ini dapat dilihat sejak pilihan raya kecil di Ketari di Pahang dan Indera Kayangan di Perlis," katanya.

Pilihan raya kecil di kedua-dua kawasan itu diadakan berikutan kematian penyandanginya yang juga Presiden PAS Datuk Fadzil Noor, pada 23 Jun lepas.

-- BERNAMA

SBS LAT